REZA SHAMS BIJARI PIRBAZARI A

lwn.

KETUA POLIS NEGARA & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM B
SU GEOK YIAM H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-110-06]
25 APRIL 2007

TAHANAN PENCEGAHAN: *Tahanan - Habeas corpus - Permohonan - Bantahan awal - Bidangkuasa - Sama ada mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan - Sama ada pemohon telahpun ditahan atas satu waran komitment oleh majistret - Sama ada pemohon tiada lagi berada dalam jagaan responden* C

Pemohon, seorang rakyat Republik Islam Iran, telah ditangkap hasil rampasan dadah dalam bilik air di sebuah rumah yang setelah dianalisa oleh Jabatan Kimia didapati adalah dadah dari jenis Methamphetamine seberat 292.8 gram. Pemohon telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Ampang atas pertuduhan di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952. Pada 12 Oktober 2006, Mahkamah Majistret Ampang, Selangor telah mengeluarkan waran meletakkan dalam jagaan sementara menanti perbicaraan terhadap pemohon ('perintah tahanan majistret tersebut'). Pemohon memohon di dalam afidavitnya bahawa tangkapan ke atasnya adalah tidak sah. Semasa pendengaran permohonan tersebut, Timbalan Pendakwaraya telah membangkitkan suatu bantahan awal bahawa mahkamah ini tidak berbidangkuasa untuk mendengar permohonan tersebut ('bantahan awal itu'). Beliau telah memberikan dua alasan untuk menyokong bantahan awal itu iaitu: (i) bahawa pemohon telah pun ditahan atas satu waran komitmen oleh seorang majistret yang kompeten dan (ii) bahawa pada tarikh pemfailan permohonan tersebut pemohon tidak lagi berada dalam jagaan responden kerana sudah berada dalam jagaan penjara Sungai Buloh dan oleh itu mahkamah ini tidak berbidangkuasa untuk mendengar permohonan tersebut. D E F G H

Diputuskan (menolak permohonan pemohon):

(1) Semasa pemfailan permohonan tersebut pemohon telahpun ditahan di penjara Sungai Buloh di bawah perintah tahanan majistret tersebut yang telah dikeluarkan oleh seorang majistret yang kompeten. Oleh itu, soalan sama ada penahanannya I

adalah tidak sah tidak lagi timbul. Sebabnya adalah permohonan tersebut yang merupakan satu permohonan untuk satu writ *habeas corpus* tidak merupakan satu rayuan atau satu permohanan untuk penyemakan ke atas perintah tahanan majistret tersebut atas sebab perintah majistret itu tidak sah atau teratur. Permohonan tersebut adalah bukan remedi yang sesuai untuk dipohon. Pemohon seharusnya memfailkan rayuan atau permohonan untuk penyemakan ke atas perintah tahanan majistret tersebut. (perenggan 21 & 32)

(2) Autoriti yang telah menahan pemohon ialah majistret melalui perintah tahanan majistret tersebut bertarikh 12 Oktober 2006 dan pemohon adalah di bawah kawalan penjara Sungai Buloh yang tertakluk kepada perintah tahanan majistret tersebut dan bukan lagi di bawah kawalan polis atau jabatan peguam negara. Adalah jelas bahawa semasa permohonan tersebut difailkan kedua-dua responden sudah tidak lagi mempunyai kawalan ke atas pemohon kerana penahanan pemohon adalah oleh penjara Sungai Buloh menurut perintah tahanan majistret tersebut. Oleh itu mahkamah ini sudah tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan tersebut. Justeru itu mahkamah ini tidak seharusnya mendengar permohonan tersebut atas meritnya. (perenggan 38 & 40)

Kes-kes yang dirujuk:

Kerajaan Malaysia & Ors v. Nasharuddin Nasir [2004] 1 CLJ 81 FC ***(dirujuk)***

Madjai Sanusi v. Pengarah Imigresen Negeri Johor & Ors [1999] 7 CLJ 569 HC ***(dirujuk)***

Nik Adli Nik Abdul Aziz v. Ketua Polis Negara [2002] 1 CLJ 161 HC ***(dirujuk)***

Ooi Ah Phua v. Officer In Charge Criminal Investigation, Kedah/Perlis [1975] 1 LNS 117 FC ***(dirujuk)***

The King v. The Commanding Officer of Morn Hill Camp, Winchester; ex p Ferguson [1917] 1 KB 176 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 39B(1), (3), 41A(1)
Internal Security Act 1960, ss. 8, 73(1)

Bagi pihak pemohon - Uma Parvathy Thothathri; T/n Uma & Assoc
Bagi pihak peguam pemerhati - Andrew Davis
Bagi pihak kedua-dua responden - Ishak Mohd Yusoff TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Su Geok Yiam H:

Latar Belakang

[1] Pemohon, seorang rakyat Republik Islam Iran, telah ditangkap pada 5 Mei 2006 jam lebih kurang 1.20 petang di B1-32, Tingkat 6, Jalan 11, Taman Tun Abdul Razak, Ampang, Hulu Langat Selangor. Pemohon ditangkap hasil rampasan dadah dalam bilik air di rumah tersebut yang setelah dianalisa oleh Jabatan Kimia didapati ia adalah dadah dari jenis Methamphetamine seberat 292.8 gram.

[2] Pada 6 Mei 2006, pemohon telah pertama kali dibawa ke Mahkamah Majistret Ampang untuk mendapatkan perintah tahanan reman dan telah dibenarkan ditahan reman selama lima (5) hari sehingga 10 Mei 2006. Pada 11 Mei 2006, sekali lagi pemohon dibawa ke mahkamah yang sama untuk permohonan lanjutan reman dan telah dibenarkan selama empat (4) hari sehingga 15 Mei 2006.

[3] Walau bagaimanapun kedua-dua perintah tahanan reman itu telah tidak diekshibitkan oleh kedua-dua responden dalam afidavit-afidavit mereka.

[4] Pemohon telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Ampang *vide* Kes Tangkap No: 81-3-2006 pada 16 Mei 2006 atas pertuduhan di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952. Pada 12 Oktober 2006, Mahkamah Majistret Ampang, Selangor telah mengeluarkan Waran Meletakkan Dalam Jagaan Sementara Menanti Perbicaraan terhadap pemohon ("perintah tahanan Majistret tersebut"). Perintah tahanan Majistret tersebut diekshibitkan oleh responden-responden sebagai "RR1" di dalam afidavit tambahan responden-responden yang diikrarkan pada 11 Januari 2007 oleh Pegawai Penyiasat.

[5] Melalui izin dan rekuisisi yang dikeluarkan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Puan Aslina Joned pada 11 Oktober 2006, kes pemohon telah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 30 Oktober 2006 di bawah kes PCT No. 45-104-2006. Kes ini telah disebut buat pertama kalinya pada 10 November 2006. Tarikh perbicaraan telah kemudiannya ditetapkan pada 21 hingga 25 Januari 2008.

[6] Pada 2 November 2006, pemohon telah memfailkan notis usul di kandungan (2) di bawah Bab XXXVI Kanun Prosedur Jenayah untuk satu writ *habeas corpus* ("permohonan tersebut"). Permohonan tersebut telah ditetapkan untuk didengar buat pertama kalinya di hadapan KN Segara, H pada 10 November 2006.

[7] Atas permohonan untuk penangguhan oleh TPR yang terpelajar Encik Azar Irwan yang telah menyebut kes bagi pihak TPR Encik Sallehuddin untuk kedua-dua responden, hakim yang bijaksana telah menangguhkan pendengaran tersebut ke 19 Januari 2007.

[8] Pada 19 Januari 2007, pendengaran permohonan tersebut telah sekali lagi ditangguhkan ke 9 Mac 2007 atas permohonan Cik Uma Parvathy Thothathri, peguam terpelajar bagi pihak pemohon, atas alasan beliau ingin mengkaji afidavit yang baru difailkan oleh pihak responden-responden.

[9] Pada 9 Mac 2007, akibat penambahan tiga (3) orang Pesuruhjaya Kehakiman yang baru di Mahkamah Tinggi Shah Alam, permohonan tersebut telah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Jenayah (6) dan ditetapkan untuk pendengaran di hadapan saya buat pertama kalinya. Saya telah mendengar penghujahan kedua-dua pihak. Oleh kerana kesuntukan masa dan alasan-alasan yang lain iaitu bahawa TPR yang terpelajar Encik Ishak Mohd Yusoff perlu mengikuti kursus di ILKAP pada 12 hingga 14 Mac 2007 dan pada 15 Mac 2007 pula beliau akan memberi ceramah kepada polis di Kuala Kubu Bahru sedangkan saya akan bercuti pada 15 Mac 2007 dan 16 Mac 2007 kerana akan menyertai satu "International Visitors Leadership Program" di Amerika Syarikat pada 17 Mac 2007 hingga 8 April 2007, permohonan tersebut telah ditangguhkan ke 16 April 2007 untuk disambung dengar.

[10] Pada 16 April 2007, saya telah menyambung dengar permohonan tersebut.

Permohonan Tersebut

[11] Di dalam permohonan tersebut, pihak pemohon telah memfailkan tiga (3) afidavit iaitu afidavit sokongan yang diikrarkan oleh abang beliau, afidavit lanjutan beliau sendiri dan afidavit jawapan beliau. Manakala pihak responden-responden pula telah mengemukakan empat (4) afidavit yang meliputi afidavit TPR Puan Aslina Joned yang menandatangani izin dan rekuisisi, afidavit Pegawai Serbuan dan dua (2) afidavit Pegawai Penyiasat.

[12] Pemohon di dalam afidavitnya menyatakan bahawa tangkapan ke atasnya adalah tidak sah. Setelah ditahan di tempat letak kereta di bawah, pemohon telah dibawa naik ke apartment yang didiami oleh adik perempuannya bersama yang lain. Semasa apartment dibuka, telah ada orang di dalamnya. Beliau dibawa masuk ke bilik adik perempuannya dan telah didatangi oleh seorang Pegawai Polis yang memegang beg plastik kecil dan menanyakan sama ada ia milik beliau. Beliau menjawab tidak. Selepas itu, beliau dibawa ke Balai Polis Ampang dan ditahan di lokap. Semasa dibawa ke Mahkamah Majistret Ampang, beliau menyatakan Tuan Majistret tidak pernah bertanyakan apa-apa kepadanya.

[13] Pemohon juga mendakwa, sepanjang beliau ditahan, beliau telah menandatangani beberapa dokumen di dalam Bahasa Malaysia yang beliau sendiri tidak memahaminya. Seterusnya beliau mendakwa dokumen-dokumen yang telah beliau tandatangani adalah tidak sah dan menyalahi undang-undang.

[14] Responden-responden pula melalui afidavit-afidavit yang dikemukakan menyatakan bahawa tangkapan yang dilakukan adalah sah di sisi-sisi undang-undang. Senarai rampasan juga diserahkan kepada pemohon. Tiada fakta yang timbul daripada siasatan yang mengatakan bahawa pemohon telah dianiayai sehingga ditangkap dan dituduh. Permohonan tersebut adalah satu penyalahgunaan kuasa mahkamah dan pra matang sebagai usaha untuk memancing bukti-bukti bagi menggugat proses perbicaraan kelak.

Bantahan Awal

[15] Semasa pendengaran permohonan tersebut, TPR yang terpelajar Encik Ishak Mohd Yusoff telah membangkitkan suatu bantahan awal bahawa saya tidak berbidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut ("bantahan awal itu"). Beliau telah memberikan dua alasan untuk menyokong bantahan awal itu. Alasan yang pertama ialah bahawa pemohon telah pun di tahan atas satu waran komitmen oleh seorang Majistret yang kompeten. Alasan yang kedua ialah bahawa pada tarikh pemfailan permohonan tersebut pemohon tidak lagi berada dalam jagaan responden kerana sudah berada dalam jagaan penjara Sungai Buloh dan oleh itu saya tidak berbidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut.

[16] Beliau telah merujuk mahkamah kepada kes *Ooi Ah Phua v. Officer In Charge Criminal Investigation, Kedah/Perlis* [1975] 1 LNS 117 untuk menyokong alasan yang pertama dan kes *Kerajaan Malaysia & Ors. v. Nasharuddin Nasir* [2004] 1 CLJ 81 untuk menyokong alasan yang kedua. Walau bagaimanapun peguam pemohon yang terpelajar telah meminta saya mendengar permohonan tersebut di atas meritnya sebelum saya membuat sebarang keputusan atas bantahan awal tersebut. Beliau telah merujuk mahkamah kepada kes *Nik Adli Nik Abdul Aziz v. Ketua Polis Negara* [2002] 1 CLJ 161.

[17] Sebagai balasan, TPR yang terpelajar telah merujuk kepada kes *Madjai bin Sanusi v. Pengarah Imigresen Negeri Johor & Ors* [1999] 7 CLJ 569.

Keputusan Atas Bantahan Awal

[18] Setelah mendengar dan menimbangkan penghujahan yang dibuat dan otoriti-otoriti yang dirujuk oleh kedua-dua pihak saya telah membenarkan bantahan awal itu. Saya telah memberi alasan-alasan saya melalui satu penghakiman lisan. Selepas itu saya telah menolak permohonan tersebut ("keputusan tersebut").

[19] Pemohon telah tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan telah memfailkan notis rayuan Mahkamah Persekutuan.

[20] Berikut ini adalah alasan-alasan mengapa saya telah membenarkan bantahan awal itu dan menolak permohonan tersebut.

Alasan Pertama

[21] Pertama, semasa pemfailan permohonan tersebut pemohon telahpun ditahan di penjara Sungai Buloh di bawah perintah tahanan majistret tersebut yang telah dikeluarkan oleh seorang majistret yang kompeten. Oleh itu soalan sama ada penahanannya adalah tidak sah tidak lagi timbul. Sebabnya ialah permohonan tersebut yang merupakan satu permohonan untuk satu writ *habeas corpus* tidak merupakan satu rayuan atau satu permohonan untuk penyemakan ke atas perintah tahanan Majistret tersebut atas sebab perintah majistret itu tidak sah atau teratur.

[22] Mahkamah ini adalah terikat oleh keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ooi Ah Phua v. Officer-in-charge Criminal Investigation Kedah/Perlis* [1975] 2 MLJ 198.

[23] Dalam kes itu Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa apabila permohonan perayu untuk *habeas corpus* difailkan, perayu telahpun ditahan di bawah perintah seorang majistret dan oleh itu soalan sama ada penahanannya adalah tidak sah tidak lagi timbul.

[24] Suffian LP dalam penghakimannya telah menyatakan seperti berikut di ms 201 G-I di sebelah kiri:

> ... This being an application under section 365 of the Criminal Procedure Code and under article 5(2) of the Constitution, with respect I agree with Encik Lamin for the respondent that the real issue is a simple one, namely this, whether or not Ooi was lawfully detained. If so, the court should not release him; if not, the court should release him. As to this the affidavit evidence is very clear. There was an armed robbery, a seizable offence, and there was a reasonable suspicion that Ooi was concerned in that offence, and Inspector Amiruddin not only had power to arrest him without a warrant (section 23(i)(a) of the Criminal Procedure Code), he was also under a duty to do so. *By the time this application was filed on January 5, 1975, Ooi had been detained by order of a magistrate, and so there was no question of his detention being unlawful.* (Penekanan diberi)

[25] Dalam kes *Madjai Sanusi v. Pengarah Imigresen Negeri Johor & Ors* [1999] 7 CLJ 569 Abdul Malik Ishak H telah membenarkan suatu bantahan awal oleh Peguam Persekutuan bagi pihak responden-responden. Bantahan awal itu ialah bahawa remedi writ *habeas corpus* bukanlah remedi yang sesuai kerana semasa perintah tahanan diumumkan, ia adalah dalam bentuk jenayah yang tidak boleh dicabar dengan writ *habeas corpus*. Dalam kes tersebut pemohon telah dituduh di Mahkamah Majistret untuk empat pertuduhan di bawah Akta Imigresen 1959. Semasa pemohon dibicarakan untuk empat pertuduhan tersebut dan perbicaraan masih berjalan, beliau ditahan di bawah waran tahanan yang ditandatangani oleh seorang majistret di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah. Waran tahanan tersebut telah dilanjutkan dari masa ke masa dan belum lagi diketepikan oleh mahkamah kompeten yang mempunyai bidang kuasa.

[26] Seterusnya Abdul Malik Ishak H telah memutuskan bahawa untuk berjaya di dalam permohonan writ *habeas corpus*, pemohon mesti menunjukkan bahawa beliau telah ditahan secara menyalahi undang-undang atau ditahan secara tidak wajar. Oleh kerana dalam

konteks kes itu pemohon ditahan di bawah waran tahanan majistret maka remedi writ *habeas corpus* tidak lagi sesuai dan perintah itu hanya boleh diuji melalui rayuan atau penyemakan.

[27] Hakim yang bijaksana telah menyatakan seperti berikut di ms 578:

> ... the writ may be refused where another remedy lies to effectively test the validity of the restrain. In the context of the present case, the order of remand by the magistrate can certainly be tested by way of an appeal or a revision. The applicant here has been remanded under the provisions of the CPC and that remand is lawful and, that being the case, the applicant is not entitled to be released on an order of *habeas corpus*. This case is certainly unlike the case of *Re Datuk James Wong Kim Min* where the applicant there was detained under provisions that have no legal effect and so the detention was said to be unlawful and the applicant was held entitled to be released forthwith on an order of *habeas corpus*.

Di ms 580, beliau telah memetik sebahagian daripada penghakiman-penghakiman Lord Reading CJ dan J dalam kes *The King v. The Commanding Officer of Morn Hill Camp, Winchester; ex p Ferguson* [1917] 1 KB 176 seperti berikut:

> ... Lord Reading CJ at p 179 of the report aptly said:
>
> If the jurisdiction exercised by the magistrate is a jurisdiction which has been conferred upon him by the statute, then, notwithstanding that he may have come to a wrong decision on the facts or upon the law, it is clear that his decision cannot be questioned by this procedure. *In the present case there is no doubt as to the jurisdiction of the magistrate. It is not suggested that he was not the proper tribunal to deal with the case. It is suggested that he came to a wrong conclusion. But if an erroneous decision of a magistrate entitled a party detained by the magistrate's order to come to this court for a writ of habeas corpus, the writ would furnish a ready means of appealing to this court from every decision of a magistrate ordering the detention of an offender.* If there were no means of questioning a magistrate's order, there might be some ground for invoking the assistance of this court in the way chosen in this case, but there is a well-known procedure by way of special case whereby the decisions of magistrates can be inquired into. In my opinion we have no jurisdiction to interfere in such a case as the present.

Darling J too in the same case echoed the same sentiment and this was what he said:

The question whether a person comes within those words is a question of fact for the magistrate to decide. No objection has been taken or could have been taken to his jurisdiction. He had ample jurisdiction to decide the question. Whether he decided it rightly or wrongly we are not called upon to determine. In fact he decided the question against the prosecutor, who then applied for a writ of *habeas corpus*. If the magistrate had had no jurisdiction in the matter, this writ might have been an available remedy; but such writs are not to be obtained by confusing jurisdiction with merits. *The writ of habeas corpus does not lie wherever a court decides wrongly. It lies where a person is detained without justification. In the present case the justification is the decision of a magistrate.* If a magistrate comes to a wrong decision in fact or in law he may be asked to state a case; if he refuses he may be ordered to do so. The prosecutor therefore had a remedy. He desired a more expeditious remedy, but that is no reason why this court should be permitted to enlarge its jurisdiction. The court is not to be called upon to entertain appeals from all magistrates who decide wrongly as soon as the decision is given. (Penekanan diberi)

[28] Di hadapan saya, Cik Uma Parvathy, peguam pemohon yang terpelajar telah cuba membezakan kedua-dua kes itu.

[29] Untuk kes *Ooi Ah Phua*, beliau berhujah bahawa Mahkamah Persekutuan telah mendengar permohonan perayu atas meritnya sebelum menolaknya. Oleh itu beliau meminta mahkamah ini untuk menolak bantahan awal itu dan seterusnya mendengarkan permohonan tersebut di atas meritnya.

[30] Untuk kes *Madjai*, beliau berhujah bahawa kes itu boleh dibezakan kerana dalam kes itu perbicaraan telahpun bermula. Sedangkan dalam kes ini perbicaraan belum bermula. Tambahannya sepertimana diikrarkan oleh Cif Inspektor Romaliza binti Ramli, Pegawai Penyiasat, pada 27 Disember 2006 di perenggan 10 dan 11, dalam afidavit responden-responden, kandungan (7) dan juga oleh Cif Inspektor Romaliza binti Ramli, Pegawai Penyiasat, pada 11 Januari 2007 dalam afidavit tambahan responden-responden, kandungan (11), untuk tempoh pemohon ditahan di antara 16 Mei 2006 sehingga 11 Oktober 2006, tidak terdapat sebarang perintah tahanan oleh Majistret dieksibitkan dan perintah kekal tahanan Majistret tersebut hanya dikeluarkan pada 12 Oktober 2006. Oleh itu tahanan pemohon untuk tempoh di antara 16 Mei 2006 sehingga 11 Oktober 2006 adalah tidak sah dan ini menjadikan keseluruhan tahanan pemohon tidak sah.

[31] Mahkamah ini tidak dapat menerima penghujahannya kerana permohonan tersebut telah difailkan pada 3 November 2006 iaitu selepas perintah tahanan majistret tersebut dikeluarkan pada 12 Oktober 2006.

[32] Mahkamah dengan hormatnya memakai keputusan Abdul Malik Ishak H dalam kes *Madjai* dan dengan ini memutuskan bahawa permohonan tersebut adalah bukan remedi yang sesuai untuk dipohon. Pemohon seharusnya memfailkan rayuan atau permohonan untuk penyemakan ke atas perintah tahanan majistret tersebut.

Alasan Kedua

[33] Kedua, mahkamah ini adalah terikat oleh keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kerajaan Malaysia & Ors v. Nasharuddin Nasir* [2004] 1 CLJ 81. Oleh itu mahkamah ini tidak berbidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut. Ini bermakna bahawa mahkamah ini seharusnya membenarkan bantahan awal itu dan menolak permohonan tersebut tanpa mendengar permohonan tersebut di atas meritnya.

[34] Dalam kes tersebut responden telah mula-mulanya ditahan oleh polis di bawah s. 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ("AKDN"). Responden telah memfailkan permohonan untuk remedi writ *habeas corpus* bagi mencabar keesahan penahanannya. Sebelum permohonannya di dengar, perayu kedua iaitu Menteri Keselamatan Dalam Negeri ("Menteri") telah mengeluarkan satu perintah tahanan terhadap responden di bawah s. 8 AKDN. Semasa pendengaran permohonannya di hadapan Mahkamah Tinggi perayu-perayu telah membangkitkan bantahan awal bahawa hakim yang bijaksana tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonannya kerana penahanan asal responden telah diganti oleh perintah tahanan yang baru yang dibuat oleh Menteri di bawah s. 8 AKDN. Oleh itu perayu-perayu berhujah bahawa responden seharusnya memfailkan satu lagi permohonan yang baru untuk mencabar perintah tahanan Menteri itu.

[35] Bagaimanapun hakim yang bijaksana menolak bantahan awal itu dan seterusnya mendengar permohonan atas meritnya dan mengeluarkan writ *habeas corpus* bagi pembebasan responden. Alasan hakim yang bijaksana ialah bahawa usul di bawah s. 73 telah bertukar menjadi usul di bawah s. 8 AKDN.

[36] Perayu-perayu telah berjaya dalam rayuan mereka ke Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan, *inter alia*, bahawa writ *habeas corpus* hendaklah ditujukan kepada orang atau autoriti yang mempunyai kawalan sebenar akan orang yang dikatakan ditahan secara tak sah itu. Sebabnya ialah adalah menjadi undang-undang biasa bahawa remedi *habeas corpus* bertujuan untuk membantu membebaskan orang-orang yang ditahan di bawah kawalan yang tak sah.

[37] Mahkamah Persekutuan juga telah memutuskan bahawa dalam keadaan di mana mahkamah mendapati ianya mustahil untuk mengeluarkan writ kerana orang atau autoriti berkaitan tidak lagi mempunyai kawalan ke atas orang yang ditahan, maka mahkamah tidak seharusnya mendengar permohonan. Ini adalah kerana mahkamah tidak berbidang kuasa untuk berbuat demikian. Dalam kes itu sewaktu permohonan di bawa untuk didengar, pihak polis sudah tidak mempunyai kawalan terhadap responden, kerana kawalan sudah berpindah kepada Menteri ekoran pengeluaran perintah tahanan di bawah s. 8 AKDN. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi responden untuk memfail satu notis usul yang baru memohon writ terhadap perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri. Oleh kerana tidak ada usul seperti itu, maka Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi telah memulai satu perjalanan yang salah kerana mengandaikan kewujudan bidang kuasa.

[38] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, adalah jelas bahawa semasa permohonan tersebut difailkan kedua-dua responden sudah tidak lagi mempunyai kawalan ke atas pemohon kerana penahanan pemohon adalah oleh penjara Sungai Buloh menurut perintah tahanan Majistret tersebut. Oleh itu mahkamah ini sudah tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan tersebut. Justeru itu mahkamah ini tidak seharusnya mendengar permohonan tersebut atas meritnya.

[39] Mahkamah ini tidak dapat menerima penghujahan peguam pemohon yang terpelajar bahawa kes *Kerajaan Malaysia & Ors v. Nasharuddin Nasir, supra*, boleh dibezakan atas sebab bahawa fakta kes itu melibatkan penahanan di bawah satu perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri di bawah AKDN sedangkan kes di hadapan mahkamah ini melibatkan penahanan oleh polis dan Timbalan Pendakwa Raya Puan Aslina Joned kerana izin di bawah s. 39B (3) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan rekuisisi di bawah

s. 41A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 terhadap pemohon telah di tandatangani oleh Puan Aslina Joned. Mahkamah ini berpuashati bahawa Timbalan Pendakwa Raya Puan Aslina Joned dan polis adalah bukan pihak atau autoriti yang sedang menahan pemohon seperti mana yang telah dihujahkan oleh peguam pemohon yang terpelajar.

[40] Adalah jelas bahawa autoriti yang telah menahan pemohon pada 12 Oktober 2006 ialah Majistret melalui perintah tahanan Majistret tersebut bertarikh 12 Oktober 2006 dan pemohon adalah di bawah kawalan penjara Sungai Buloh yang tertakluk kepada perintah tahanan Majistret tersebut dan bukan lagi di bawah kawalan polis atau Jabatan Peguam Negara.

[41] Mahkamah dengan hormatnya tidak dapat memakai keputusan Suriyadi bin Halim Omar H (sekarang Hakim Mahkamah Rayuan) dalam kes *Nik Adli Nik Abdul Aziz v. Ketua Polis Negara* [2002] 1 CLJ 161 kerana kes itu telah diputuskan sebelum kes *Kerajaan Malaysia & Ors v. Nasharuddin Nasir, supra* diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan pada 9 Ogos 2003.

[42] Steve Shim CJ (Sabah & Sarawak) (ketika itu) yang telah menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan *Kerajaan Malaysia & Ors. v. Nasharuddin Nasir, supra,* telah menyatakan seperti berikut di ms 89 e sehingga ms 90 a-d:

> ... It is trite law that the remedy of *habeas corpus* is intended to facilitate the release of persons actually detained in unlawful custody. It is the fact of detention which gives the court its jurisdiction (see *Barnardo v. Ford* [1892] AC 326). The observation made by Choor Singh J in *Re Onkar Shrian* [1970] 1 MLJ 28 is particularly instructive. He said:
>
> > Where the personal freedom of an individual is wrongly interfered with by another, the release of the former from illegal detention may be effected by *habeas corpus*. The illegal detention of a subject, that is a detention or imprisonment which is incapable of legal justification, is the basis of jurisdiction in *habeas corpus*.
>
> The learned judge also quoted with approval the following passage in *Short & Mellor's Practice on the Crown Side*, 2nd edn at p. 309:
>
> > The primary object of the writ is for the purpose of bringing the body into court, and therefore, if that is impossible, the writ ought not to issue. It should not be used punitively but only remedially. In *R v. Barnado* [1892]

AC 316, Lord Halsbury said that he could not agree to the proposition that if a court is satisfied that illegal detention has ceased before application for the writ has been made, nevertheless the writ might issue in order to vindicate the authority of the court against a person who has once, though not at the time of the issue of the writ, unlawfully detained another or wrongfully parted with the custody of another. In this the rest of the court agreed.

In the result, Choor Singh J took the position *that a writ of habeas corpus had to be addressed to the person or authority having actual physical custody of the person alleged to be detained illegally. That, in my view, represents a correct statement of the law. In a situation where the court finds it impossible to issue the writ because the person or authority no longer has custody of the detainee, it should not hear the application. Indeed, it has no jurisdiction to do so. This is precisely the position in the instant case. Here, the facts show that when the application came up for full argument before the court, the police no longer had custody of the respondent. Custody had been transferred to the Minister upon the issuance of the detention order under s. 8 of the ISA. In the circumstances, it would have been appropriate for the respondent to file a fresh notice of motion for a writ against the detention order issued by the Minister. In the absence of such a motion, the court had embarked on a misconceived course of action in assuming jurisdiction.* (Penekanan diberi)

[43] Dengan itu mahkamah ini telah menolak permohonan pemohon di dalam kandungan (2). Mahkamah ini ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua pihak kerana telah membantu mahkamah dalam mencapai keputusan ini.